

CNS6707

R GB 12-12 00158 BB344

BAH

FIKIRAN SEMPIT INDUSTRI HOTEL BANTUTKAN INDUSTRI PELANCONGAN

Mahathir - Hotel

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10 MALAM INI

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Fikiran sempit industri perhotelan akan membantutkan industri pelancongan, tidak menolong pertumbuhan ekonomi serta aliran masuk matawang asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

Katanya, kerajaan bimbang kerana pandangan sempit industri itu akan mengakibatkan sarahidup meningkat dan akhirnya semua pihak akan merasai kesan buruknya.

Semasa berucap merasmikan hotel lima bintang Crown Princess di sini, beliau berkata, kerajaan memberi peruntukan yang banyak untuk promosi pelancongan dan keuntungannya dikecapi industri perhotelan sendiri kerana banyak hotel mendapat pengecualian cukai.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ada pihak dalam industri itu masih mempersoalkan kesungguhan kerajaan menggalakkan industri pelancongan.

Perbuatan tidak melabur kerana sudah memiliki hotel dan (anggapan) kekurangan bilik akan membawa keuntungan besar adalah satu pandangan yang cetek, kata beliau. -- Lagi.

▼12/12/20-03MST

CNS6709

R GB 12-12 00125 BB345

BAH

Mahathir - Hotel 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Memang benar pada satu masa dulu disebabkan pembangunan hotel begitu pesat, bilangan bilik telah berlebihan menyebabkan pembangunan hotel dihentikan, katanya.

Bagaimanapun sejak dua tahun lepas kekurangan bilik berlaku semula, tetapi pembinaan hotel tidak meningkat terutamanya di Kuala Lumpur yang terus mengalami kekurangan bilik, tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegur sesetengah hotel yang menaikkan tarif yang secara langsung akan menyebarkan kos mereka meningkat.

+Apabila bilangan tetamu berkurangan sedikit, mereka akan rugi kerana sekaligus meningkat, amat sukar bagi mereka menurunkannya, + katanya.

Beliau berkata, kerajaan berpendapat bilangan bilik patut ditambah apabila hotel mencapai purata 70 peratus penginapan bilik kerana hotel mendapat keuntungan pada tahap itu. -- Lagi.

▼12/12/20-04MST

CNS6714

R GB 32-32 00112 BB346

BAH

Mahathir - Hotel 3 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Perdana Menteri juga mengingatkan pentingnya industri khidmat oleh semua yang terlibat dengan pengurusan hotel.

Beliau berkata, satu daripada sebab syarikat penerbangan Pan Am ditutup ialah kerana kakitangannya heringgapan bahawa syarikat itu wujud untuk memberi kerja dan gaji yang tinggi kepada mereka.

+Pramugari yang berumur lebih daripada 50 tahun masih bekerja dan memberi layanan yang tidak menarik dan anggota lain meminta kenaikan gaji tanpa menghiraukan pendapatan syarikat, + kata beliau.

+Apa yang her-laku kepada Pan Am boleh berlaku kepada mana-mana syarikat penerbangan atau hotel besar yang lupa pentingnya khidmat yang baik kepada tetamu, + katanya. -- Bernama.